



Anwar ketika sesi khas yang dikendalikan pengacara dan ketua koresponden antarabangsa untuk Asia Tenggara Bloomberg, Haslinda Amin pada Sidang Kemuncak Asia Milken Institute 2023 di Singapura, semalam. (Foto BERNAMA)

'Malaysia mesti bertindak bebas'

Negara kekal hubungan rapat dengan AS, China selaras dasar semasa ASEAN

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, Malaysia perlu bersikap berkecuali sebagai negara berdaulat dan tidak sepatutnya dipaksa memihak dalam pertikaian yang semakin memuncak antara Amerika Syarikat (AS) dan China.

Bercakap pada Sidang Kemuncak Asia Milken Institute 2023 di Singapura, semalam, Perdana Menteri mahu Malaysia mengekalkan hubungan rapat dengan AS dan China, selaras dasar semasa ASEAN.

"Idea bahawa anda perlu memilih untuk memihak kepada China atau AS. Tidak, mengapa kita harus menanggung akibat dan diberitahu apa yang perlu dilakukan? Maksud saya, kita mesti bebas sebagai negara merdeka," katanya pada sesi khas bertajuk 'Bicara Bersama Perdana Menteri Malaysia,' yang disiarkan secara langsung secara dalam talian di sini, semalam.

Ditanya sama ada negara anggota ASEAN lain akan ketinggalan berbanding Vietnam yang semakin akrab dengan AS berikutan kesediaannya memihak kepada kuasa besar itu, Anwar menangkis kebimbangan itu.

Beliau menegaskan hubungan Malaysia dengan Kerajaan AS, pelabur dan syarikat negara itu tetap kuat.

"Saya tidak nampak banyak masalah. Presiden Joe Biden memilih untuk melawat Vietnam... baik untuk Vietnam selepas mereka mengalami begitu banyak

penderitaan pada masa lalu. Sudah tiba masanya untuk AS memberi perhatian tambahan kepada Vietnam. Saya tidak mempunyai masalah mengenai perkara itu," katanya.

Mengikut laporan media, AS dan Vietnam dikatakan bersetuju meningkatkan hubungan kepada 'perkongsian strategik komprehensif', iaitu tahap diplomatik tertinggi rantau Asia Tenggara setanding yang dimiliki bersama China, Russia, India dan Korea Selatan.

ASEAN perlu berunding

Bagaimanapun, Anwar melahirkan kebimbangan mengenai persetujuan AS-China dan berpandangan ASEAN perlu berunding dengan kedua-dua negara kuasa besar itu serta merayu mereka untuk mengurangkan ketegangan yang menjejaskan negara rantau ini.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN di Jakarta, baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, gagasan 10 negara anggota itu meminta China dan AS supaya mengurangkan ketegangan di Laut China Selatan.

"Saya sebutkan isu Laut China Selatan di hadapan Perdana Menteri China, Li Qiang dan beliau memberi maklum balas amat positif sambil memberi jaminan untuk menghormati hak negara (Asia Tenggara) serta kesediaan berunding dan meneruskan perbincangan secara efektif.

"Kami juga merayu kepada Naib Presiden AS (Kamala Harris) untuk cuba mengurangkan ketegangan ini kerana ia menjejaskan negara ASEAN," katanya.

Mengenai tanggapan Presiden Biden dan Presiden Xi Jinping tidak begitu memberi perhatian kepada ASEAN dengan hanya menghantar wakil berikutan kebanyakkan negara anggota tidak bersedia untuk berpihak, Anwar berkata, dunia memerlukan ASE-

AN untuk kekal berkecuali.

"ASEAN mesti mengekalkan pemusatan sebagai teras dasar luarnya, untuk terus mengadakan libat urus berkesan dengan China dan AS," katanya.

Perdana Menteri berada di Singapura untuk menyertai dua sesi khas Sidang Kemuncak Asia ke-10 Milken Institute, semalam, yang akan turut disertai pemimpin industri global dan syarikat pelaburan.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri turut bertemu dengan rakan sejawatnya dari Singapura, Lee Hsien Loong.

Menjawab soalan lain, Anwar berkongsi visi agar Malaysia memperoleh semula status yang dicapainya pada 1990-an dan menjadi sebuah negara unggul di rantau ini - dari segi ekonomi, politik, tadbir urus yang baik, dan sebagai contoh masyarakat majmuk berbilang kaum.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan senario semasa dan pasukan yang ada, beliau optimis matlamat itu boleh dicapai.

"Kita harus mempercepatkan proses dan reformasi kita janjikan kepada negara," katanya.

Anwar membayangkan Malaysia akan berkembang sebagai contoh masyarakat pelbagai kaum yang menghayati kemanusiaan dan belas kasihan.

"Apa sahaja masalah yang perlu kita hadapi buat masa ini, dengan gelombang perkauman dan ketaksuban agama, saya percaya ia hanya menunggu masa. Dengan keyakinan, ketekunan dan matlamat yang jelas, kita akan dapat membawa Malaysia ke hadapan," katanya.

Ditanya mengenai ketidakstabilan politik yang membimbangkan pelabur asing, Anwar menegaskan Kerajaan Persekutuan mempunyai majoriti kuat di Parlimen, sekali gus menafikan tanggapan mengenai ketidakstabilan politik di negara ini.

BERNAMA